

25/04/1997

Ucapan PM dorong rakyat lebih gigih

KEPALA BATAS, Khamis - Rakyat perlu menjadikan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke negeri ini, Selasa lalu sebagai iktibar untuk bekerja keras dan meningkatkan keupayaan dalam pelbagai bidang.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata kerajaan negeri menghargai lawatan Perdana Menteri dan menyifatkan ucapannya pada program Pemimpin Bersama Rakyat sebagai pendorong kepada rakyat negeri itu untuk mencapai kemajuan lebih pesat.

"Saya tertarik dengan ucapan Perdana Menteri pada majlis jamuan Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Agama Al-Irshad di Kepala Batas kerana ia menyentuh pelbagai aspek termasuk pendidikan Islam, keupayaan orang Melayu dan pentingnya pendidikan sains dan teknologi," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, cabaran Perdana Menteri ketika merasmikan kilang Unico Technology di Kawasan Perindustrian Prai juga perlu menjadi pendorong kepada usahawan tempatan supaya lebih berani menceburkan bidang pengeluaran barangan berkualiti dengan jenama sendiri.

Katanya, kerajaan negeri berazam untuk melihat lebih ramai pengusaha tempatan, khususnya Bumiputera supaya lebih berani meneroka projek industri terutama dalam bidang pengeluaran barangan tempatan bermutu.

Beliau menyifatkan majlis jamuan itu mencatat sejarah kerana dihadiri pemimpin dan rakyat pelbagai kaum melebihi yang dijangkakan.

(END)